

UMS ke-58 dunia dalam UI GreenMetric World University Ranking 2019

Oleh Yap Siong Han

U/B 7.12.2019 |

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berada pada kedudukan ke-58 dunia dalam UI Green-Metric World University Ranking yang diumumkan baru-baru ini.

Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus UMS, Prof. Madya Dr. Berhaman Ahmad berkata, pencapaian itu sekali gus membolehkan UMS berada dalam lingkungan 7.4 peratus kampus universiti paling lestari dan hijau di

seluruh dunia.

“Kita telah meningkat sebanyak 13 anak tangga iaitu dari kedudukan ke-71 dunia pada tahun 2018.

“Ia satu peningkatan yang memberangsangkan kerana kita bersaing dengan 780 buah universiti daripada 85 negara,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, di peringkat Asia UMS berada pada kedudukan ke-11 iaitu naik enam anak tangga berbanding tahun lalu pada ranking ke-17.

“Pencapaian ini merupakan hasil usaha bersama seluruh warga UMS khususnya pihak pengurusan tertinggi yang sentiasa memberi sokongan penuh dalam memastikan universiti ini terus membumdahkan kehijauan dan kelestarian kampus,” katanya.

Untuk rekod, UI Green-Metric World University dimiliki oleh Universitas Indonesia adalah sistem pernilaian ranking berdasarkan kelestarian kampus tertua di dunia yang dilaksanakan sejak 2010.